



## "RAMADHAN BULAN MEMPERKASA IBADAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ  
هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ  
شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلِيَصُمِّمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى  
سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَى يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ  
بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكَمِّلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى  
مَا هَدَنَكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشَكُّرُونَ

١٨٥

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ



اللَّهُ تَعَالَىٰ: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.

### Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah.

Saya menyeru agar kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan akhirat.

Mimbar Jumaat kali ini mengajak kita sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk "**RAMADHAN BULAN MEMPERKASA IBADAH**".

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kehidupan kita di dunia ini tidak bermakna, sekiranya kita tidak mendapat keredhaan dan rahmat daripada Allah SWT. Lebih tidak bermakna lagi sekiranya segala kesalahan, keterlanjuran dan dosa-dosa yang kita lakukan tidak mendapat keampunan daripada Allah SWT. Oleh itu sebagai orang yang beriman kita dituntut agar sentiasa memohon keampunan daripada Allah SWT atas segala dosa yang telah kita lakukan.

Bulan Ramadan adalah bulan yang dipenuhi dengan rahmat, keampunan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda. Oleh itu sebagai seorang hamba-Nya kita amat digalakkan agar mempertingkatkan amalan soleh bagi memperolehi kelebihan tersebut.

Ketika Rasulullah SAW masih hidup, Baginda pernah menyampaikan khutbah pada akhir bulan Syaaban bagi mengingatkan muslimin dan muslimat



yang bersama baginda pada ketika itu tentang kelebihan Bulan Ramadhan. Rasulullah SAW telah menyatakan kelebihan bulan Ramadhan yang tiada tolak bandingnya jika dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain sepanjang tahun. Khutbah yang sangat bermakna itu dirakam oleh Ibn Khuzaimah dalam sohinya.

Antara kelebihan bulan Ramadhan seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW ialah:

Pertama: Allah mengurniakan satu malam dalam bulan itu ganjaran pahalanya lebih baik dari seribu bulan.

Kedua: Sesiapa yang melakukan amalan sunat umpama melakukan amalan fardhu dan sesiapa yang melakukan amalan fardhu umpama melakukan tujuh puluh kali amalan fardhu.

Ketiga: Sesiapa yang memberi makanan untuk orang yang berbuka puasa ia akan mendapat ganjaran pahala sama seperti pahala orang yang berpuasa itu, walaupun sekadar bersedekah seteguk air atau sehirup susu.

Keempat: Dipermulaan bulan Ramadhan adalah rahmat daripada Allah SWT, dipertengahannya keampunan dan dipenghujungnya kebebasan daripada api neraka.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Khutbah yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW menggambarkan kepada kita betapa Allah SWT telah melimpahi bulan Ramadhan dengan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda. Oleh itu sewajarnyalah dipermulaan Ramadhan yang mulia ini kita berazam dan bertekad untuk melipat gandakan amal ibadah kita. Antara ibadah yang boleh kita lakukan ialah;



Pertama: Berpuasa.

Allah SWT menjanjikan ganjaran pahala yang sangat lumayan bagi orang yang berpuasa. Malahan ibadah puasa yang dilakukan dalam bulan Ramadhan secara jelas dijanjikan dengan keampunan dosa-dosa yang lalu.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفْرَانَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبٍ

"Barangsiapa yang berpuasa Ramadhan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran pahala nescaya diampunkan baginya segala dosa yang terdahulu"

(Riwayat al-Bukhari).

Kedua: Bersedekah.

Rasulullah SAW merupakan seorang yang dermawan dan paling suka bersedekah. Baginda lebih dermawan pada bulan Ramadhan. Hal ini diceritakan oleh Ibnu Abbas RA dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسَ، وَكَانَ أَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ، وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ



رَمَضَانَ فِيْدَارِسُهُ الْقُرْآنَ، فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ

"Rasulullah SAW ialah orang yang paling dermawan. Dan Baginda lebih dermawan lagi pada bulan Ramadhan pada saat Baginda bertemu Jibril. Jibril menemuinya setiap malam untuk bertadarus Al-Quran. Dan kedermawanan Rasulullah SAW melebihi angin yang berhembus."

Ketiga: Bertadarus al-Quran.

Membaca al-Quran merupakan amalan yang mulia dan utama. Namun kelebihan membaca dan mempelajarinya dilipat gandakan pada bulan Ramadhan. Ini dibuktikan melalui hadis yang menceritakan tentang Nabi Muhammad SAW didatangi Jibril sepanjang Ramadhan dan mengajarkan kepada Baginda al-Quran. Sepertimana hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari.

وَكَانَ يَلْقَاهُ فِيْ كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ  
فِيْدَارِسُهُ الْقُرْآنَ...

"...Dan Jibril menemuinya setiap malam (pada bulan Ramadhan) untuk mengajarkannya al-Quran..."

Keempat: Memburu Lailatul Qadar.

Lailatul Qadar ialah suatu malam pada bulan Ramadhan yang begitu istimewa sekali fadhilatnya. Malam al-Qadar adalah malam yang amalan



pada malam itu lebih baik dari 1000 bulan ganjaran pahalanya. Ia telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Qadr ayat 1-5:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ وَمَا أَدْرَكَ مَا لَيْلَةُ  
الْقَدْرِ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ تَنَزَّلُ  
الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ سَلَامٌ  
هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar. Dan apakah engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam Lailatul-Qadar itu? Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, untuk mengatur segala peraturan. Sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!".

Kelima: Memperbanyakkan iktikaf di masjid.

Hadis daripada Aisyah RA berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّلَيْنَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّىٰ تَوَفَّاهُ اللَّهُ ثُمَّ اعْتَكَفَ أَزْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ.



"Sesungguhnya Nabi selalu beriktitaf pada sepuluh hari terakhir dari bulan Ramadhan sehingga meninggal dunia, kemudian isteri-isteri baginda beriktitaf sesudahnya".

(*Muttafaqun 'alaih*).

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya banyak lagi amalan lain yang boleh kita lakukan dalam bulan Ramadhan seperti beriktitaf di masjid-masjid, menziarahi sanak saudara, membantu anak-anak yatim, fakir miskin dan lain-lain lagi. Apa yang penting ialah kita melakukannya semata-mata untuk mendekatkan diri kepada Allah. Kita juga dituntut agar bertaubat atas segala dosa yang dilakukan untuk mencari redha-Nya.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 31:

...وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

"...dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Wahai orang-orang Yang beriman, supaya kamu berjaya".

Mimbar Jumaat hari ini menyeru agar marilah kita sama-sama mengambil kesempatan dengan apa yang telah dijanjikan oleh Allah SWT sepanjang bulan Ramadhan dengan menjana kekuatan jati diri kita untuk beribadat kepada-Nya. Bulan impian ini merupakan anugerah Allah SWT kepada hamba-Nya. Ia hanya datang setahun sekali. Kemungkinan pada tahun yang mendatang kita tidak berpeluang meresainya lagi.



Oleh itu, marilah kita melaksanakan perkara-perkara berikut;

1. Umat Islam hendaklah sentiasa memperkasakan akidah dan meyakini bahawa ajaran Islam adalah yang terbaik.
2. Umat Islam hendaklah mematuhi syariah Islam sepenuhnya dengan sempurna tanpa meninggalkan perintah wajib yang lain seperti kewajipan menunaikan solat. Ini kerana ada yang berpuasa tetapi tidak solat, tidak amanah, tidak menutup aurat dan lain-lain.
3. Umat Islam hendaklah menjaga dan memelihara ibadah puasanya daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa atau yang mengurangkan pahalanya.
4. Umat Islam juga hendaklah berjimat cermat dalam berbelanja dan tidak melakukan pembaziran seperti berlebih-lebihan berbelanja membeli juadah untuk berbuka puasa dan menyambut hari raya.
5. Umat Islam janganlah membazir masa hanya sibuk berniaga dan membeli-belah dalam masa yang lama di pasar-pasar malam, pasaraya dan sebagainya. Sebaiknya hendaklah mengutamakan urusan ibadah di masjid-masjid dan surau-surau secara berjemaah.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
مَنْ عَمِلَ صَلِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُتْشَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ  
فَلَنُحْيِنَّهُ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا  
كَانُوا يَعْمَلُونَ



"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan Dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan".

(Surah an-Nahl : 97).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjasaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ  
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ



سَلَّٰعُورُ، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَّٰعُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.